



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



PROTECTHEALTH

Program Penyumberluaran Perkhidmatan Hospital

Hospital Services Outsourcing



MAKLUMAT UMUM

Program Penyumberluaran Perkhidmatan Hospital

Program Penyumberluaran Perkhidmatan Hospital (Hospital Services Outsourcing Programme - HSOP) merupakan inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk meningkatkan kebolehcapaian dan kualiti penjagaan kesihatan. Program ini membolehkan penyumberluaran pesakit dari hospital KKM ke Kemudahan Perkhidmatan & Penjagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) dan Pusat Perubatan Swasta di bawah Hospital Pengajar Universiti (PPS-HPU).



Objektif

Mengurangkan Masa Menunggu



Inisiatif ini dirangka untuk memendekkan tempoh masa menunggu bagi prosedur perubatan dan penyiasatan, memastikan pesakit menerima rawatan tepat pada masanya.

Mengurangkan Kesesakan Pesakit



Program ini mampu meringankan beban di Hospital KKM dengan menyumber luar pesakit ke penyedia penjagaan kesihatan swasta, sekali gus dapat mengoptimum penggunaan sumber dan meningkatkan kecekapan secara keseluruhan.

Menambahbaik Perkhidmatan Lain di Fasiliti Kesihatan Awam



Dengan pengurangan beban pesakit, Hospital KKM dapat memberi tumpuan kepada penambahbaik perkhidmatan kesihatan penting yang lain, sekali gus meningkatkan kualiti keseluruhan penjagaan kesihatan.

Perkhidmatan Yang Terlibat



Perkhidmatan Kardiorasik (CTC)

- CTC Dewasa: Cantuman Pintasan Arteri Koronari (CABG), Penggantian Injap Terbuka (OVR)
- CTC Pediatrik



Kardiologi

- Intervensi Kardiologi: Intervensi Koronari Perkutaneus (PCI)
- Penyiasatan Kardiologi: Ujian Tekanan Senaman (EST), Holter, Ekokardiografi Tekanan Dobutamine, Ekokardiografi Transesophageal (TOE), Ekokardiografi Transthoracic (TTE)
- Kardiologi Pediatrik



Radiologi

Imbasan Tomografi Berkomputer (CT), CT Jantung, Pengimejan Resonans Magnetik (MRI), MRI Jantung, Ultrasound



Nefrologi

Arterioveanous Fistula (AVF)

Muat Turun **Buku Perjalanan Pesakit** Di Sini :



Bagaimana Program Ini Dilaksanakan

Program Penyumberluaran Perkhidmatan Hospital (HSOP) dilaksanakan dengan **kerjasama antara Hospital KKM** dan fasiliti di Kemudahan & Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) atau Pusat Perubatan Swasta di bawah Hospital Pengajar Universiti (PPS-HPU) (**Hospital Panel**).

Pesakit yang layak berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan akan dipilih oleh Pakar Perubatan di Hospital KKM dan akan dirujuk ke Hospital Panel yang terlibat. Proses rujukan ini **diuruskan melalui sistem digital** (*Hospital Services Outsourcing System - HSOS*) dan **pesakit akan dihubungi oleh Hospital Panel** untuk temujanji rawatan.

Segala **kos rawatan akan dibiayai sepenuhnya oleh KKM**. Walau bagaimanapun, pesakit hanya perlu membayar fi di Unit Hasil di Hospital KKM yang setara dengan kadar rawatan sekiranya pesakit menerima rawatan di Hospital KKM.

Impak

Berdasarkan keperluan dan status perkhidmatan klinikal, KKM akan memilih hospital-hospital KKM dan memperuntukkan bilangan pesakit yang boleh disumberluarkan. Adalah dijangkakan inisiatif ini dapat memberi manfaat kepada lebih **30,000 pesakit**.

Maklumat Lanjut



www.protecthealth.com.my/hsop



hsop@protecthealth.com.my



+03 8687 2525 (ProtectHealth)



+03 8883 1139

(Unit Perkhidmatan Pengurusan Hospital
Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM)